

KHAMIS

04 10  
2018**BH** VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

52

**KERJAYA**

Arkitek landskap perlu berfikir di luar kotak

53

**USAHAWAN**

Nur Zakirah mula berniaga di pasar malam

56

**INOVASI**

Eco Photon bukti kemampuan pelajar UiTM

[FOTO HIASAN]



# BEKERJA SAMBILAN TAMBAH WANG SAKU

➔ Dapat tampung kos pengajian, sara hidup mahasiswa sepanjang pengajian

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**S**enario pelajar universiti awam (UA) atau institusi pengajian tinggi (IPT) bekerja sambil bukan lagi satu perkara asing dalam konteks kehidupan pada hari ini, terutama bagi mereka yang menyambung pengajian di bandar besar.

Baik di dalam atau luar negara, rata-rata pelajar memilih untuk bekerja sambil kerana mahu mencari duit poket

atau wang saku untuk menampung kos sara hidup dan yuran pengajian.

Di luar negara, mungkin cabarannya agak berbeza berbanding Malaysia kerana kekangan bahasa dan komunikasi tetapi kalau sudah berkehendak, pastinya semua cabaran itu akan jadi mudah, bak kata pepatah, 'di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.'

Di Jepun contohnya, rata-rata pelajar yang ingin bekerja sambil perlu fasih berbahasa Jepun bagi memudahkan mereka berkomunikasi dengan pelanggan, terutama pekerjaan yang memerlukan komunikasi dua hala seperti kedai serbaneka, kafe atau restoran.

Bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Elektrikal Elektronik di

Tokyo Denki University, Jepun, Amir Fakhry Zulhibri, pengalaman bekerja sambil di Jepun memberikan peluang kepada beliau untuk meningkatkan lagi kemahiran menguasai bahasa Jepun.

Katanya, keputusan untuk bekerja sambil di kedai serbaneka 7-Eleven dibuat untuk mengisi waktu lapang mmandangkan jadual pengajian agak lapang, mencari tambahan wang saku dan menimba pengalaman kerja dengan masyarakat Jepun.

"Wang saku itu biasanya akan digunakan untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana atau sebagai bekalan apabila memulakan kehidupan baharu sebagai individu bekerja sama ada di Malaysia atau di Jepun," katanya.

V26 / 27



## redaksi

Ketua Pengarang NSTP  
Datuk Yushaimi YahayaPengarang Eksekutif Kanan  
Integrasi NSTP  
Saidon IdrisPengarang Eksekutif  
Berita Harian (BH)  
Datuk Ahmad Zaini KamaruzzamanPengarang Pendidikan  
Fadzlena JafarPengarang Berita Pendidikan  
Ridzuan YopPenolong Pengarang Berita Pendidikan  
Mohd Zin Mohd AliWebmaster Pendidikan  
Shuhazmir SelamatPenyunting Eksekutif  
Muhammad Fakhri Alias  
Rusnita PechokWartawan:  
Nor Azma Laila  
Faizatul Farhana Farush Khan  
Meor Ahmad Nasrin Rizal IsiahArtis Eksekutif:  
Mohd Hakim Ismail  
Mohd Zainuddin IsmailIlustrator:  
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti.com.my

Pengiklanan  
Tel: 1300226787Berita Harian  
Tel: 1300226787 samb 5108  
Faks: 03-2056 7081LANGGANAN  
Jabatan Pengedaran dan Jualan  
Akbar NSTP 31, Jalan Riong,  
59100 Kuala Lumpur  
E-mel: educationNSD@  
mediaprima.com.my  
Samb: 7755  
Tel: 03-2724 8999E-mel atau surat ke alamat:  
bhvarsiti@bh.com.my atau  
Buletin Berita,  
31, Jalan Riong, 59100,  
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan



(FOTO HIASAN)

Bekerja sambilan menjadi pilihan pelajar untuk mencari duit poket bagi menampung peningkatan kos sara hidup terutama di bandar.

## Mahasiswa bekerja sambilan perlu bijak urus masa

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

### ← Kuala Lumpur

Mahasiswa yang berjaya mendapat pembiayaan pendidikan seperti biasiswa dan pinjaman bagi menyambung pengajian di universiti awam (UA) atau institusi pengajian tinggi (IPT) mungkin boleh berasa sedikit lega kerana tidak perlu risau perbelanjaan bulanan dan yuran pengajian.

Meskipun begitu, peningkatan kos sara hidup di bandar sedikit sebanyak menyebabkan segelintir mahasiswa, terutama yang menuntut di bandar besar terpaksa mengambil keputusan untuk bekerja sambilan bagi menampung keperluan dan kelangsungan hidup di kampus seterusnya meneruskan pengajian mereka tanpa masalah kewangan.

Tidak kurang juga, ada yang memilih untuk melakukan kerja sambilan kerana mahu mengisi masa lapang, mencari duit poket dan mendapatkan pengalaman bekerja dengan lebih awal sebelum menceburi dunia pekerjaan yang sebenar pada masa depan.

Pelbagai kerja sambilan menjadi pilihan mahasiswa

pada hari ini, termasuklah menjadi pembantu di restoran makanan segera, penghantar makanan, membuat kerja pembersihan rumah dan juga berniaga secara dalam talian atau pasar malam.

Bagi pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammad Iqbal Mohd Tajuddin, beliau memilih untuk bekerja sambilan kerana faktor kewangan sekali gus mahu meringankan beban keluarga.

Katanya, beliau memang mendapat pinjaman tetapi duit yang diberikan itu tidak cukup untuk menampung keperluan sepanjang semester kerana banyak digunakan untuk membeli buku dan menyiapkan tugas.

### Latih diri berdikari

"Oleh itu, saya mengambil keputusan untuk bekerja sambilan sebagai pekerja penghantar makan restoran makanan segera dengan bayaran gaji RM5 untuk satu jam bekerja dan setiap satu tempahan yang dihantar saya akan mendapat RM2.

"Saya baru sahaja melakan kerja ini sejak beberapa minggu lalu. Sebelum ini, saya bekerja sebagai penghantar barangan alat ganti kereta dengan gaji RM500 setiap bulan tetapi membuat kepu-



Muhammad Iqbal



Nur Awatif Insyirah

tusan berhenti bagi mencuba kerja yang lain," katanya.

Sepanjang bekerja, Muhammad Iqbal berkata sudah tentunya masa menjadi cabaran utama kerana beliau bekerja setiap hari sekali gus menuntut dirinya untuk bijak menguruskan jadual supaya pencapaian akademik sentiasa berada pada tahap membanggakan.

Sementara itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Biologi, UKM, Nur Awatif Insyirah Ahmad Puad, turut memilih untuk melakukan kerja sambilan kerana mahu mencari pendapatan sampingan bagi menampung perbelanjaan harian sekali gus melatih diri berdikari dan merasai sendiri pengalaman bekerja.

"Buat masa ini, saya bekerja di kafe yang terletak di UKM dan membuat pelbagai kerja di situ, termasuklah menjadi juruwang dan pembancuh air serta membakar kek dan pastri dengan pendapatan harian antara RM20 hingga RM30 sehari.

"Cabaran bekerja sambilan ini sudah tentunya masa saya menjadi terlalu padat dengan pelbagai aktiviti sekali gus menuntut saya untuk menjadi seorang yang kuat dalam menempuhi kehidupan ini kerana pilihan yang dibuat ini bukan untuk diri saya sahaja tetapi juga bagi mem-

bantu meringankan beban keluarga," katanya.

### Utamakan pelajaran

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Sains Pengurusan Alam Sekitar, Universiti Malaysia (UM), Fatim Rabiatul Adawiyah Muhammad, pula berkata pada mulanya keputusan untuk bekerja sambilan itu sekadar suka-suka dan ingin mencuba tetapi lama kelamaan mula selesa berbuat demikian.

"Saya teruskan sahaja bekerja di kafe yang terletak di dalam UM dan saya bertuah kerana majikan sangat memahami keadaan saya sebagai pelajar dan memberikan kebebasan masa bekerja mengikuti jadual pengajian saya.

"Saya bekerja kira-kira 10 jam seminggu dan gaji dibayar RM5 sejam yang mana gaji bulanan bergantung kepada jumlah jam bekerja setiap bulan," katanya yang bekerja kira-kira 40 jam sebulan.

Beliau berkata, bagi pelajar yang ingin bekerja sambilan, mereka perlu bijak menguruskan masa antara kerja dengan belajar.

"Pastikan niat utama masuk universiti adalah untuk belajar bagi mengenggam segulung ijazah, jadi utamakan yang perlu diutamakan," katanya.

## Universiti sedia kemudahan untuk pelajar bekerja sambilan

**Kuala Lumpur:** Universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini tidak mempunyai halangan sekiranya pelajar ingin melakukan kerja sambilan ketika masih dalam pengajian asalkan dilakukan di luar waktu belajar dan tidak membebaskan pelajar.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Prof Datuk Dr Mohd Zamri Yusoff, berkata di UNITEN, pihak pengurusan menyediakan program yang dinamakan UNITEN Students Internship Scheme (USIS) untuk pelajar yang ingin bekerja.

Katanya, matlamat utama program itu adalah untuk menyediakan platform kepada pelajar menimba pengalaman bekerja di dalam kampus ketika masih belajar, selain mendapat sedikit pendapatan tambahan.

Beliau berkata, melalui skim ini, pelajar boleh melakukan kerja sambilan di jabatan yang bersesuaian di UNITEN.

"Bagi pelajar yang bekerja di dalam kampus melalui program USIS, jumlah jam bekerja maksimum yang boleh dijalankan ialah 20 jam seminggu dan hanya pelajar yang mempunyai CGPA tidak kurang daripada 2.5, layak memohon untuk mengikuti program USIS," katanya.

Bagi pelajar yang terpaksa bekerja kerana mempunyai masalah kewangan, Prof Mohd Zamri berkata, UNITEN menyediakan bantuan melalui Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU) dan Yayasan Canselor UNITEN (YCU).

"TAZU menyediakan bantuan untuk menampung tambahan bayaran yuran pengajian, penginapan dan sara hidup bagi pelajar golongan asnaf



Pelbagai kerja sambilan dilakukan pelajar untuk mencari pendapatan sampingan sekali gus meringankan beban keluarga.

manakala YCU menyediakan dermasiswa kepada pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan.

"Selain daripada itu, Pusat Hal Ehwal Pelajar juga memberikan bantuan melalui Tabung Kebajikan Pelajar kepada pelajar yang ditimpa musibah," katanya.

### Ikut garis panduan

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata pihak universiti tidak menghalang pelajar untuk melakukan kerja sambilan bagi meringankan beban kos sara hidup dan keadaan ekonomi yang amat mencabar masa kini.

Meskipun begitu, katanya, pihak universiti lebih menggalakkan pelajar melaksana-



Prof Mohd Zamri

kan kerja sambilan di dalam kampus berbanding di luar kampus kerana isu keselamatan dan mungkin terdedah kepada perkara yang tidak diingini.

"Kerja dalam kampus adalah lebih terkawal dan selamat. Pihak universiti menyediakan pelbagai inisiatif di dalam kampus seperti Program Khidmat Pelajar dan Program Keusahawanan Siswa.

"Pihak universiti mempunyai garis panduan bagi pelajar tempatan yang bekerja sambilan di dalam kampus seperti tempoh masa bekerja iaitu 100 jam sebulan pada sesi pengajian dan 160 jam sebulan pada cuti semester dengan kadar bayaran RM6 hingga RM7 satu jam, manakala bagi

pelajar antarabangsa mereka terikat dengan kelulusan visa mereka," katanya.

Pengarah Keusahawanan dan Kerjaya Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Shaari Abd Rahman, berkata universiti menyediakan platform untuk pelajar bekerja sambilan melalui program yang dikenali dengan nama UMT Crew.

"UMT Crew ditubuhkan pada Mac tahun lalu bagi mengumpulkan pelajar yang berminat untuk mendapatkan kerja sambilan dan kini sudah mempunyai 698 ahli yang mendaftar.

"Platform ini menyediakan akses kepada pelajar mengenai kerja sambilan yang ada di dalam dan luar kampus dan kini kira-kira 800 kerja sambilan tersedia melalui saluran UMT Crew," katanya.

## Budaya kerja orang Jepun wajar jadi contoh

### ← Dari V25



Amir Fakhry



Faridathul Amera

"Kerja sambilan ini juga memberi peluang kepada saya untuk mencari pengalaman sekali gus belajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Jepun apabila berdepan dengan pelanggan yang kebanyakan terdiri daripada rakyat tempatan," katanya.

Pelajar tahun empat itu sudah bekerja sambilan selama satu setengah tahun, bermula sejak Jun tahun lalu. Amir Fakhry berkata, gajinya dikira setiap jam dan biasanya bayaran berbeza mengikut lokasi tempat bekerja.

"Bagi saya yang bekerja di Tokyo, dibayar kira-kira RM37 (¥1000) setiap jam. Saya bekerja selama 10 jam setiap minggu, jadi keseluruhannya ialah 40 jam setiap bulan yang memberikan saya lebih kurang RM1,463.79 (¥40000) setiap bulan.

"Saya tidak pernah kerja

sambilan sebelum ini, tetapi saya dapat katakan kerja sambilan di Jepun lebih mencabar berbanding di Malaysia," katanya.

### Mengisi masa lapang

Beliau berkata, gaji yang ditawarkan mungkin mahal empat kali ganda, tetapi kerja juga empat kali ganda susah kerana pekerja tidak boleh menggunakan telefon bimbit langsung dan setiap saat bekerja ialah milik syarikat.

"Pekerja perlu akur dengan arahan pengurus, pergerakan kena laju dan berdikari dalam memikirkan apa kerja yang patut dilakukan jika tugas yang diberikan sudah siap.

"Jika pekerja tidak menepati standard yang ditetapkan, mereka akan dipecat pada bulan ketiga dan waktu disiplin yang ditunjukkan oleh masyarakat Jepun dalam bekerja dan boleh dijadikan contoh untuk kita rakyat

Malaysia," katanya.

Sementara itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Elektronik dan Pengkomputeran di Takushoku University, Tokyo, Jepun, Faridathul Amera Razali, berkata beliau memilih untuk bekerja sambilan kerana mahu mencari pengalaman kerja, selain mengisi masa lapang selepas selesai sesi kuliah.

Katanya, beliau mula bekerja sambilan sejak Ogos tahun lalu kerana tidak mahu menseia-siakan masa lapang yang ada sekali gus mendapatkan pengalaman bekerja dengan rakyat Jepun yang mana budaya kerjanya sangat disegani di seluruh dunia.

"Saya memilih untuk bekerja sambilan dengan satu syarikat yang memerlukan saya untuk melakukan tugas inventori, termasuklah mengira stok barang menggunakan mesin yang dikhaskan untuk kedai atau pasar raya seperti Daiso, Uniqlo dan Don Quijote.

"Purata masa jam kerja saya ialah 14 jam seminggu dan gaji diberikan ialah RM37 (¥1000) untuk setiap jam," katanya.

### Tunaikan solat

Faridathul Amera berkata, antara cabaran yang dihadapi sepanjang bekerja adalah penerimaan majikan mengenai pemakaian tudung dan pelepasan waktu untuk menunaikan solat.

"Selepas memberikan penjelasan mengenai Islam (pakaian tudung dan kewajipan solat khususnya), tidak lagi timbul masalah malah pihak syarikat dan staf Jepun menerima saya dengan baik serta hormat akan tuntutan agama Islam.

"Bagi pelajar yang ingin bekerja sambilan, pastikan waktu belajar dan waktu kerja haruslah sentiasa seimbang serta dapatkan rehat secukupnya. Tumpuan lebih perlu diberikan pada pelajar-

ran kerana matlamat utama ke negara orang adalah untuk belajar," katanya.

Pelajar Toyo University, Izwan Muayyad Muhammad Mohd Kamil, memilih bekerja sambilan untuk mengisi masa lapang ketika cuti musim panas yang lalu, selain mencari pengalaman bekerja dengan masyarakat Jepun supaya lebih memahami etika dan peraturan bekerja sambilan di negara matahari terbit itu.

"Saya bekerja sambilan sejak Ogos lalu dan tugas saya adalah untuk mengira stok di kedai ataupun gudang seperti Uniqlo dan Amazon dengan anggaran pendapatan saya setiap bulan ialah RM1,500-RM2,000.

"Antara cabaran bekerja sambilan di sini adalah ketika ingin mencari tempat dan masa untuk solat. Selain itu, disebabkan perbezaan bahasa dan budaya, sukar untuk saya bergaul dengan pekerja Jepun," katanya.